

KECICIRAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN MURID: SATU PENELITIAN DAN TINJAUAN AWAL

Zahanim Ahmad

012-7329584/zahanim@uis.edu.my

Ayu Nor Azilah Mohamad

013-6641980/ayunorazilah@uis.edu.my

Universiti Islam Selangor

ABSTRAK

Tatkala negara menuju kemajuan dalam pelbagai aspek, kita tidak terlepas dengan masalah anak-anak dalam keupayaan membaca, menulis dan mengira (3M). Isu kelemahan penguasaan 3M dalam kalangan murid adalah polemik lama yang semakin kritis pada masa ini dan jika tidak diberi perhatian akan memberikan kesan yang tidak baik kepada kemenjadian murid. Jumlah murid yang tercicir amat membimbangkan dan menuntut perhatian kita semua. Sungguhpun negara telah membentangkan satu perancangan yang besar dalam menangani isu ini lebih 10 tahun yang lepas, namun isu ini tiada penyelesaian. Objektif utama kertas konsep ini adalah untuk mengenalpasti apakah faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini, kesannya kepada kemenjadian murid dan sistem pendidikan negara serta langkah intervensi yang harus diambil dalam menangani isu ini. Bagi mencapai objektif penulisan ini, satu pendekatan kajian literatur telah dilakukan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor disebabkan oleh sosioekonomi keluarga, personaliti pelajar dan faktor luaran seperti budaya dan persekitaran, pengaruh rakan sebaya serta cara pengajaran guru telah dikenal pasti sebagai antara punca keciciran pembelajaran. Oleh itu, langkah-langkah mengatasi berlakunya keciciran turut diperincikan berdasarkan kajian lepas. Antaranya adalah Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan empat intervensi kurikulum bagi menangani keciciran pembelajaran. meningkatkan kesedaran ibu bapa, motivasi dan minat pelajar serta mempelbagaikan gaya pengajaran untuk menarik minat pelajar supaya tidak tercicir. Hal ini penting demi kemenjadian murid dalam melahirkan masyarakat berminda kelas pertama.

Kata Kunci: Keciciran, Pembelajaran, Murid, Pendidikan, 3M.

1. Pengenalan

Pendidikan merupakan satu proses perubahan ke arah yang lebih baik seseorang individu dan pendidikan merupakan usaha menyusun ilmu pengetahuan untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan semula jadi yang ada pada diri, supaya dapat hidup dengan lebih berguna, baik dan lebih selamat. Maksud belajar menurut Kamus Dewan (2024) adalah berusaha memperoleh, menjalani latihan dan menuntut ilmu pengetahuan bagi mendapat sesuatu kepandaian dan sebagainya. Manakala pembelajaran pula, menurut Duffy dan Roehler (1989), pembelajaran adalah suatu usaha yang sengaja melibatkan dan menggunakan pengetahuan professional yang dimiliki guru untuk mencapai tujuan kurikulum. Sejajar dengan falsafah Pendidikan negara iaitu Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan dan melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran, masyarakat dan negara. Sistem pendidikan di Malaysia juga kini bergerak begitu pantas seiring kepesatan negara di era baru. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempunyai rancangan tersendiri dan melaksanakan berbagai perubahan yang mantap ke arah merealisasikan hasrat Gagasan Malaysia Madani dalam Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Perubahan dalam arena pendidikan negara mula menampakkan hasil daripada pelbagai dasar, sejak dulu sebelum negara mendapat kemerdekaan melalui akta,

laporan, ataupun penyata seperti Dasar Pendidikan Negara, Laporan Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Akta Bahasa Kebangsaan 1967, dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

Menurut Norfarahzatul Asikin, Mohamad Zuber , & Muhammad Hussin, (2022), pendidikan yang berkualiti sangat penting kerana pendidikan juga termasuk dalam salah satu sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pendidikan adalah pendorong di sebalik pertumbuhan sumber daya manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Sistem pendidikan mestilah memenuhi keperluan industri dan ekonomi serta mampu menjana modal insan yang inovatif, produktif dan berkemahiran. Perkara ini disebabkan oleh kerana modal insan hasil keluaran dari produk pendidikan akan menjadi guna tenaga serta ejen kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Pertumbuhan ekonomi kini didorong oleh industri berasaskan pendidikan di mana keperluan guna tenaga yang kualiti tinggi dan pertumbuhan guna tenaga yang mampan adalah asas penting untuk mengubah ekonomi daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi (Norkhatijah Murni, Ismail, Poo Bee Tin, & Zaimah, 2012). Oleh karena itu, pada era ekonomi yang dipandu oleh kemajuan sains,. kemajuan sains, Malaysia sangat memerlukan keterlibatan individu yang berpengetahuan dan berpendidikan yang tinggi.

Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia menerusi kementerian melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat berkomitmen untuk melaksanakan transformasi sistem pendidikan nasional selama 15 tahun ke depan. Transformasi pendidikan ini bertujuan untuk menyerapkan dalam setiap siswa di negara ini dengan semua keterampilan baru yang diperlukan bagi mendapat peluang dan menghadapi cabaran globalisasi masa kini. Bagi menandingi dengan negara maju di dunia, sistem pendidikan negara harus mampu menghasilkan generasi muda yang berilmu, mampu berfikir kritis dan kreatif, memiliki jiwa kepemimpinan yang kuat, dan mampu berkomunikasi secara efektif dalam skala global. Juga, setiap siswa di negara ini perlu menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan, etika, dan tanggungjawab, agar mereka dapat membuat pilihan yang tepat untuk diri mereka, keluarga dan negara, serta mampu mengharungi dan mengatasi segala rintangan Kementerian Pendidikan Malaysia, (2017). Ini selaras dengan matlamat Belia Negara yang menekankan kepentingan melahirkan belia yang berilmu dan berkelayakan untuk pembangunan negara. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), 77 peratus belia Malaysia yang berumur di antara 20-34 tahun tidak memiliki ijazah atau diploma. Hal ini akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi, isu kemiskinan dan merapatkan jurang antara kumpulan pendapatan, kaum dan wilayah akan menjadi lebih sukar jika tidak ditangani lebih awal. Sehubungan dengan perkara ini dalam perancangan sasaran RMK ke-12, Malaysia telah memfokuskan pemulihan keciciran pembelajaran, pendigitalan pendidikan dan profesionalisme dan Kebajikan keguruan.

Hal berlaku adalah disebabkan oleh fenomena keciciran dalam pelajaran dan sekolah. Situasi ini adalah satu pembaziran dalam kemajuan pendidikan Malaysia. Fenomena ini dapat dilihat dalam laporan *World Bank Malaysia Economic Monitoring* 2019 seramai 175,000 pelajar mengalami masalah keciciran pembelajaran dan laporan pada tahun 2023 telah meningkat secara mendadak iaitu 435,000 pelajar mengalami masalah keciciran pembelajaran. Justeru secara ringkasnya, kertas konsep ini mengupas berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi keciciran pelajar dalam pembelajaran pada masa kini. Selain itu, kertas konsep ini juga mengupas berkaitan langkah-langkah dalam mengatasi isu keciciran dalam pembelajaran bagi pelajar-pelajar di Malaysia.

2. Konsep dan Takrifan Keciciran Pembelajaran

Isu keciciran pembelajaran bukan isu yang baharu dalam dunia pendidikan. Isu ini merupakan isu yang utama perlu ditangani oleh semua pihak berkepentingan bagi merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan murid. Keciciran pembelajaran dapat ditakrif sebagai murid yang bersekolah mengalami kemerosotan pengetahuan dan kemahiran dalam menguasai pembelajaran terutama dalam kemahiran literasi dan numerasi (Abdul Wahab & Mohd Said, 2022).

Menurut Akta Pendidikan 1996, keciciran membawa maksud pelajar yang tidak mengikuti pendidikan wajib (pembelajaran) di sekolah atau pelajar yang tidak hadir ke sekolah melebihi tiga hari berturut-turut. Akan tetapi bukan kerana tidak hadir ke sekolah kerana masalah kesihatan. Di samping itu, "keciciran merujuk kepada pelajar yang berhenti sekolah sebelum tamat pengajian sama ada di peringkat rendah atau menengah" (Laporan Murad, 1972). Keciciran pembelajaran berlaku apabila terkesan daripada penutupan persekolahan secara berpanjangan, penutupan sekolah akibat bencana alam atau wabak, konflik atau mana-mana faktor yang menjadi penyebab gangguan kepada peluang pembelajaran. Masalah keciciran pembelajaran adalah pelajar yang berada di dalam sistem persekolahan, namun mereka tidak dapat menghabiskan tempoh persekolahan sebagai contoh mengambil keputusan untuk tidak mahu bersekolah selepas tamat darjah enam, tingkatan 3 mahupun selepas tamat SPM. Keciciran pembelajaran terbahagi kepada dua (2) jenis. Antaranya ialah, keciciran sengaja. Perkara ini berlaku disebabkan oleh faktor sosioekonomi, sikap pelajar itu sendiri. Contohnya, pelajar tersebut boleh menghadiri sekolah dengan sempurna. Akan tetapi pelajar tersebut memilih untuk tidak bersekolah. Seterusnya, keciciran terpaksa iaitu perkara tersebut terjadi apabila pelajar terpaksa diberhentikan sekolah akibat kegagalan dalam peperiksaan walaupun pelajar tersebut masih lagi mahu untuk ke sekolah.

Menurut Anuar (2024) bagi menangani isu ini perlu kita memahami bukan sahaja takrifan keciciran pembelajaran malah penyelidik perlu memahami konsep keciciran pembelajaran di negara ini. Keciciran pembelajaran mempunyai topologi atau strukturnya yang tersendiri. Keciciran pembelajaran dikategorikan kepada 3 kumpulan iaitu yang pertama adalah kumpulan murid berisiko keciciran. Kumpulan murid dalam kategori ini adalah mereka yang belum lagi tercicir tetapi berisiko akan tercicir dari pembelajaran. Mereka adalah golongan berisiko tinggi keciciran jika tiada intervensi diberikan segera. Kumpulan kedua adalah mereka daripada kumpulan yang tidak dapat menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira). Murid ini telah pun mengalami keciciran pembelajaran tetapi masih dan tetap bersekolah dan belum lagi berhenti daripada sesi persekolahan dan kumpulan yang ketiga keciciran pembelajaran adalah murid yang tidak lagi pergi kesekolah dan telah berhenti daripada sesi persekolahan. Dengan memahami konsep dan struktur keciciran pembelajaran maka dengan sasaran intervensi dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

3. Faktor Keciciran Dalam Pembelajaran

a. Faktor sosioekonomi

Beberapa faktor berlakunya keciciran pembelajaran dalam kalangan murid telah dikenalpasti antaranya adalah sosioekonomi keluarga. Pengaruh latar belakang sosioekonomi keluarga terdiri daripada pendapatan keluarga, pekerjaan ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa, dan sokongan keluarga. Pendapatan keluarga yang rendah memberikan kesan terhadap perkembangan pembangunan pendidikan di negara ini. Hal ini mengakibatkan rendahnya tingkat motivasi anak untuk terus belajar. Hubungan di antara keciciran pembelajaran murid

dengan sosiekeonomi adalah sangat signifikan. Ini dibuktikan dalam kajian yang dilakukan oleh (Francis , et al., 2023). Dapatkan kajian yang dijalankan terhadap 25 sampel yang telah dikenapasti sebagai murid yang mengalami keciciran dalam pembelajaran mengatakan mereka datang daripada keluarga yang miskin dan ibu bapa yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan berpendapatan sangat rendah. Menyebabkan murid ini terpaksa untuk tidak bersekolah dan bantu ibu bapa bagi menyara keluarga untuk meneruskan kehidupan. Teori dan kerangka kerja Hierarki Maslow (Brooks, 2006) memainkan peranan penting di dalam konsep ini. Individu akan lebih mengutamakan keperluan asas iaitu makanan, tempat tinggal dan selepas keperluan asas ini dipenuhi barulah mereka akan memikirkan lain-lain keperluan seperti pendidikan dan sebagainya. Menurut responden, mereka berasal daripada keluarga yang besar, dan perlu bekerja untuk membantu ibu bapa memperoleh pendapatan hidup. Pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menyara keluarga kami. Keperluan asas iaitu makanan merupakan perkara yang utama yang perlu didahului daripada pendidikan. Responden juga mengatakan tidak mempunyai wang untuk tambang dan wang elaun dan hal ini menyebabkan mereka terpaksa bekerja bagi mendapatkan wang. Terdapat juga lahir daripada ibu bapa yang sudah bercerai dan dibesarkan oleh ibu atau bapa tiri dan berasa malu untuk meminta elaun keperluan sekolah daripada bapa tiri. Mereka juga berpendapat akan bersekolah semula apabila masalah kesusahan dan kemiskinan dapat diatasi (Francis , et al., 2023).

Di samping itu, pekerjaan ibu bapa juga turut memainkan peranan dalam sosioekonomi keluarga. Menurut Kitha (2021) sosiekonomi keluarga memainkan peranan penting dalam pendidikan anak-anak. Kebanyakan mereka tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke meneruskan pendidikan kerana tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi. Disebabkan ibu bapa mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan tidak mencukupi serta mengalami kesempitan kewangan keluarga, anak-anak mula melakukan kerja-kerja sambilan seperti mencuci kereta, penjual pasar malam dan kerja sambilan di taman perumahan berhampiran untuk menambah sara hidup mereka sekeluarga. Masalah pendidikan dan kewangan dapat menjadi hambatan untuk memberikan kesempatan pendidikan terbaik bagi anak-anak. Latar belakang pendidikan ibu bapa juga mempengaruhi tingkat kemampuan anak-anak untuk menguasai pembelajaran. Menurut Khalid et.al (2018) majoriti ibu bapa yang tergolong masyarakat miskin bandar memiliki latar belakang pendidikan yang lebih rendah sehingga membuat anak-anaknya kurang termotivasi untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Meneliti kepada ciri-ciri demografi ini jelaslah, bahawa status sosioekonomi keluarga yang rendah menjadi faktor penghalang kepada individu untuk memperolehi peluang pendidikan tinggi, dan sumber kewangan yang terhad menghalang kesediaan pelajar untuk menyambung pelajaran. Oleh karena itu, keluarga dengan status sosial ekonomi rendah tidak mampu memberikan pendidikan yang baik atau menyediakan fasiliti pendidikan yang sempurna untuk mendorong anaknya belajar dengan baik. Limitasi sumber daya kewangan tidak memungkinkan pelajar untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Ianya juga disokong oleh Francis, et al (2023) dalam kajiannya yang menunjukkan hubungan keciciran pembelajaran murid dengan status sosiekonomi keluarga adalah sangat signifikan.

b. Faktor Personaliti Murid

Faktor diri sendiri merupakan faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna. Tingkah laku, minat, faktor akademik dan motivasi murid memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keciciran murid di sekolah.

Tingkahlaku, minat, faktor akademik dan aspek motivasi murid sangat erat kaitannya dengan prestasi belajar seseorang. Menurut Jerie dan Zamri (2011) tingkahlaku adalah bersifat abstrak dan hanya dapat dilihat dan dirasakan melalui tindakan yang dilakukan. Tingkahlaku sangat mempengaruhi pelajar belajar dan menguasainya dalam pendidikan. Sekiranya murid mempunyai sikap yang positif seperti menyedari kepentingan pembelajaran, maka murid akan cuba menguasainya dengan pelbagai cara. Kecemerlangan pelajaran adalah ditentukan pelajar itu sendiri. Akan tetapi jika tingkahlaku pelajar itu adalah sebaliknya seperti tidak mahu majukan diri dan tidak diendahkan tentang kepentingan pendidikan, ia akan mengganggu proses pembelajaran dan seterusnya akan mengakibatkan berlakunya keciciran dalam pelajaran.

Minat adalah suatu keinginan dan kemauan seseorang untuk mencapai sesuatu perkara dan diiringi dengan semangat serta motivasi (Ahmad & Fariza , 2022). Tanpa minat sesuatu pekerjaan tidak mencapai tahap cemerlang yang diinginkan oleh seseorang. Minat pada dasarnya merupakan penerimaan akan sesuatu hubungan antara diri sendiri dengan sesuatu di luar diri. Minat sangat besar pangaruhnya dalam mencapai prestasi dalam suatu pekerjaan atau jabatan. Tidak akan mungkin orang yang tidak berminat terhadap suatu pekerjaan dapat menyelesaikan pekerjaan tersebut dengan baik. Manakala minat juga diertikan sebagai rasa senang atau tidak senang dalam menghadapi suatu objek. Minat merupakan suatu perkara yang amat penting kerana boleh menimbulkan perubahan sikap, pembentukan persepsi serta lahir penghayatan yang mendalam terhadap pelajaran. Dalam konteks pelajar, minat akan mengerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh. Menurut Ahmad & Fariza (2022) minat boleh dianggap sebagai daya penggerak yang mendorong seseorang supaya memberi perhatian kepada seseorang, sesuatu kegiatan atau sesuatu benda. Tegasnya lagi, minat juga merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri. Oleh itu, faktor minat yang timbul terhadap sesuatu mata pelajaran akan mendorong pelajar berusaha bersungguh-sungguh dan cuba sedaya upaya untuk menggunakan pengetahuan yang sedia ada. (Norfarahzatul, Mohamad Zuber & Muhammad 2022). Keberkesanan pembelajaran pelajar di dalam kelas juga bergantung kepada minat dan kaedah pengajaran yang menarik. Noraini (2008) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dalam kalangan pelajar dan salah satu daripada cara menimbulkan minat murid ialah menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik. Minat amat penting kerana dari situ akan timbul perubahan sikap, pembentukan persepsi serta lahir penghayatan yang mendalam terhadap pelajaran.

c. Keupayaan dan Pencapaian Akademik

Keupayaan dan pencapaian akademik memberi kesan kepada berlakunya keciciran dalam pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh (Francis , et al., 2023) menunjukkan bahawa cabaran akademik sebagai faktor kepada pelajar berhenti sekolah. Isu ini mencerminkan persimpangan kompleks sosioekonomi, personaliti pelajar dan pedagogi yang memerlukan intervensi yang teliti. Perkara ini berpunca pada awalnya adalah kelemahan dalam penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) dalam kalangan murid sekolah. Penguasaan 3M ini merupakan perkara asas sejak dulu, dimana salah satu tujuan ibu bapa menghantar anak ke sekolah. Sepatutnya isu ini tidak lagi perlu lagi dimainkan namun ini lah hakikat yang harus diterima kerana masalah 3M masih menjadi salah satu punca keciciran pembelajaran. Kemahiran literasi awal adalah penting bagi kanak-kanak kerana kemahiran ini boleh membantu meningkatkan prestasi pembelajaran kanak-kanak pada masa yang akan datang. Kanak-kanak yang ketinggalan dalam menguasai kemahiran literasi awal cenderung untuk berjuang dengan bacaan dan menulis. Akibatnya, kanak-kanak cenderung untuk menerima,

kurang amalan dan minat terhadap membaca dan kurang terdedah kepada pengetahuan kandungan, perbendaharaan kata dan kemahiran bahasa yang lain daripada sifat kanak-kanak yang mendapat penguasaan literasi yang lebih awal sebelum mereka didaftarkan masuk ke alam persekolahan diperingkat rendah lagi. Di Malaysia, penguasaan kemahiran literasi awal telah menjadi tumpuan yang hangat sejak dulu lagi. sistem pendidikan Malaysia dan isu ini adalah terutamanya menjadi isu hangat dan kritikal dalam tahun 1960-an (Nazariyah & Abdul Rahman, 2013). Banyak program telah dilaksanakan bagi membantu kanak-kanak dalam penguasaan literasi pada peringkat awal namun, isu buta huruf di kalangan anak-anak muda masih menjadi masalah sebenar. Pada tahun 2011, Menteri Pertahanan Malaysia, Abdul Latiff Ahmad, mendedahkan bahawa hampir 1,000 daripada 11,000 belia yang dipilih untuk latihan khidmat negara (PLKN) buta huruf (Modul Khas untuk Khidmat Negara Pelatih: Malaysia, 2011). Selain itu, ia adalah dilaporkan dalam akhbar The Star bahawa 3 orang pelajar telah dihalang daripada menduduki Sekolah Rendah mereka Ujian Penilaian (UPSR), disebabkan oleh prestasi akademik mereka yang. Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mendapati bahawa ada murid yang tidak mempunyai masalah pembelajaran yang masih belum menguasai kemahiran asas 3M dengan baik belum dapat diatasi sepenuhnya walaupun KPM telah melaksanakan pelbagai program pemulihan. Kesukaran pembelajaran boleh menjadi lebih mencabar, mewujudkan perjuangan kitaran akademik yang akhirnya boleh membawa kepada keciciran pembelajaran.

d. Motivasi Murid

Seterusnya adalah motivasi diri murid. Motivasi ini akan mendorong dan membantu seseorang untuk melakukan sesuatu, baik dalam keadaan sedar maupun tidak sedar. Motivasi ini mungkin berkaitan dengan minat seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu secara terus menerus (Nuradibah & Hazlina , 2016). Motivasi sangat penting dalam proses pembelajaran karena dapat menentukan arah dan keberkesanannya. Jika pelajar tidak memiliki motivasi diri untuk menerima pelajaran, pelajar cenderung berkompromi dan mengikuti pendapat dan nasihat orang lain tanpa ada pertimbangan yang wajar. Kekurangan motivasi dalam diri pelajar akan menyebabkan pelajar terlibat secara langsung dalam gejala-gejala sosial yang pada akhirnya akan membawa kepada keciciran dari sekolah. Keadaan ini telah memaksa pelajar terlibat dalam aktiviti gejala sosial seperti ponteng sekolah dan terlibat dalam gengster atau kongsi gelap untuk mendapatkan sumber kewangan.

e. Faktor Luaran

Keciciran juga boleh berlaku akibat faktor luaran seperti budaya dan persekitaran, gaya pengajaran guru serta pengaruh rakan sebaya. (Norfarahzatul, Mohamad Zuber , & Muhammad , 2022). Budaya dan persekitaran juga merupakan faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar. Contohnya dalam kajian Nik Nur Azizah et al. (2018), orang Asli masih berpegang dengan tradisi nenek moyang mereka walaupun pelbagai bantuan dan insentif daripada kerajaan dalam memartabatkan pendidikan masyarakat orang Asli. Kini, kehidupan orang Asli masih berhubung rapat dengan alam semula jadi. Alam semula jadi dan hutan sebagai sumber utama masyarakat orang Asli mencari rezeki. Akibatnya, mereka masih berpuas hati dengan keadaan lama mereka dan sukar menerima perubahan dalam kehidupan mereka terutama dalam bidang pendidikan. Persekutaran nenek moyang mereka secara tidak langsung mempengaruhi hala tuju kemajuan masyarakat orang Asli. Pengaruh budaya dan

persekitaran yang kuat dalam diri pelajar menyebabkan pelajar tidak berminat untuk mendapatkan pendidikan dan seterusnya berlakunya peningkatan dalam keciciran.

i. Pengaruh Rakan Sebaya

Berikutnya, pengaruh rakan sebaya merupakan antara sumbangan kepada berlakunya faktor keciciran dalam pelajaran. Rakan sekelas yang duduk bersebelahan memainkan peranan penting dalam merangsang fikiran murid untuk terus tetap fokus pada pengajaran guru. (Norfarahzatul, Mohamad Zuber , & Muhammad , 2022). Kajian (Alia & Norwaliza , 2021), menunjukkan bahawa murid yang suka tidur di dalam kelas akan mempengaruhi rakan-rakannya untuk tidur di dalam kelas juga. Dalam diri murid, sifat ingin meneroka dan meniru perangai rakan sebaya adalah perkara biasa dalam pembangunan holistik keranamurid ingin cuba dan ingin membuat lebih daripada rakan mereka lakukan. Rakan sebaya yang suka membuat kerja sekolah bersama-sama memberi nilai tambah yang baik kepada rakan sebaya mereka, tetapi rakan sebaya yang suka membuat sesuatu perkara yang tidak berfaedah bersama-sama rakan sebaya akan memudaratkan diri mereka antara satu sama lain.

ii. Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Guru

Gaya pengajaran guru yang membosankan turut menjadi faktor berlakunya keciciran. Gaya pengajaran yang tradisional membuatkan pelajar kurang berminat dan cepat bosan. Sebahagian besar pelajar akan tertarik untuk belajar jika guru memainkan peranan penting di dalam kelas. Menurut (Francis , et al., 2023), apabila kaedah pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah tidak selaras dengan gaya pembelajaran yang pelbagai pelajar, ia boleh menghalang keupayaan mereka untuk melibatkan diri berkesan. Guru yang bijaksana adalah guru yang mampu untuk meningkatkan minat pelajar dengan memberikan kaedah yang tepat untuk melakukan kegiatan pembelajaran di kelas. Sikap negatif pelajar terhadap sekolah dan guru dapat mengurangi minat dan motivasi mereka dalam mempelajari mata pelajaran yang diajarkan oleh guru. Cara guru yang kreatif dan sentiasa mengikuti media masa perlu disemaiakan dalam diri pengajar dalam menarik minat pelajar untuk mempelajari ilmu di sekolah. Media masa seperti tiktok, dan facebook adalah media yang sesuai dalam memberikan ilmu pada pelajar. Anjukkan paradigma pendidikan dalam melopori ilmu teknologi maklumat boleh memperbanyak gaya pengajaran bagi menarik minat pelajar untuk meneroka ilmu. Guru yang mengamalkan cara tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran akan menyebabkan pelajar hilang tumpuan dan akhirnya akan membawa kepada berlakunya keciciran.

4. Langkah- Langkah Dalam Mengatasi Isu Keciciran

a. Tingkatkan Kesedaran Ibu bapa

Dalam mengatasi masalah keciciran yang disebabkan oleh sosioekonomi keluarga, pihak kerajaan dan sekolah perlu memainkan peranan utama. Kerajaan dan sekolah perlu memberikan pendedahan kepada ibu bapa tentang keperluan pendidikan untuk anak-anak. Ibu bapa seharusnya memberi dorongan dan galakan kepada anak-anak mereka untuk sentiasa hadir diri ke sekolah. Dengan mendapatkan pendidikan formal, anak-anak boleh berjaya dalam pelajaran dan membantu mengubah nasib keluarga mereka pada masa hadapan. Kesedaran tentang betapa pelajaran begitu penting harus diterapkan terutamanya kepada ibu bapa supaya dapat memberi dorongan kepada anak-anak. Pendidikan dapat mengubah status ekonomi individu. Kemiskinan yang dialami oleh keluarga tidak akan

diwarisi selamanya. Selain itu, ibu bapa hendaklah terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Misalnya pada hari orientasi persekolahan dimana ibu bapa dan pihak sekolah boleh membincangkan prestasi pendidikan anak mereka di sekolah serta mendapatkan informasi-informasi terkini dalam usaha kerajaan membantu pelajar miskin termasuk bantuan-bantuan dan biasiswa yang disediakan. Peranan pengaruh ibu bapa dalam kadar keciran pelajar memerlukan pendekatan yang menyeluruh dari pelbagai agensi seperti sekolah, institusi pendidikan, kerajaan dan komuniti. Hubungan agensi dengan ibubapa adalah amat perlu supaya ianya dapat menyokong perjalanan pendidikan anak-anak. Pihak agensi harus membimbang dan menghapuskan mitos tentang pendidikan dengan umur, jantina dan peluang pendidikan kepada ibu bapa serta kepentingan dan besar impilkasinya pendidikan buat anak-anak.

b. Tingkatkan Motivasi dan Minat Pelajar

Dalam mengatasi masalah keciran pendidikan akibat daripada faktor pelajar itu sendiri, peranan ibu bapa, guru dan sekolah amat penting. Ibu bapa berperanan untuk memupuk personaliti anak-anak daripada sejak kecil lagi. Menurut kajian White dan Kelly (2010), ibu bapa haruslah menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak. Ini kerana anak-anak mendapatkan pendidikan awal bermula daripada rumah. Oleh itu, ibu bapa perlu menerapkan dalam diri anak-anak akan kepentingan dan minat untuk mendapatkan pendidikan sempurna supaya tidak tercicir. Motivasi murid boleh ditingkatkan dengan skongan pada yang diberikan oleh sekolah dan ibu bapa khususnya. Motivasi akan menggalakkan autonomi dan kecekapan pendidikan murid itu sendiri secara tidak langsung akan memupuk minat murid untuk ke sekolah dan berpotensi tinggi dalam mengelakkan keciran pembelajaran murid.

c. Pelbagai Cara Pengajaran Guru

Terdapat cara yang berbeza untuk guru melibatkan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, dan salah satunya adalah dengan menggunakan kaedah pengajaran yang menyeronokkan. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti carta, gambar, dan graf dapat menjelaskan konsep yang diperkenalkan oleh guru (Mohammad Aziz & Shah , 2014). Guru perlu menggunakan banyak pendekatan dan kaedah untuk menarik minat pelajar dalam menguasai pelajaran yang diajar. Guru yang berfikiran positif boleh menyediakan peluang pembelajaran dengan mempertimbangkan gaya pembelajaran

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nik Nur Azizah et al (2018) menyatakan bahawa bagi masyarakat orang Asli, mendapatkan pendidikan formal adalah bukan budaya mereka, sehingga mereka tidak mementingkan bidang pendidikan. Oleh kerana itu, guru perlu menggunakan inisiatif kreatif dalam pendidikan dan pembelajaran (PdP) untuk menarik masyarakat orang Asli untuk belajar menggunakan pendekatan yang berbeza dimana menggunakan pendedahan kepada alam semula jadi. Ini adalah inisiatif terbaik yang boleh diterapkan. Pendekatan ini boleh bermula dengan persekitaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlaku di dalam bilik darjah, dan digantikan dengan persekitaran pembelajaran di luar bilik darjah. Apabila orang Asli dekat dengan alam semula jadi, ia mewujudkan persekitaran pembelajaran yang membolehkan mereka untuk belajar. Ini kerana orang Asli dan alam semula jadi tidak dapat dipisahkan.

Selain itu, guru boleh mengajar dan belajar (PdP) secara dalam talian. Mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, pembelajaran dan pengajaran dalam talian merujuk kepada Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah, Versi 2, yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2019), yang ditakrifkan sebagai pengajaran di rumah (PdPR), di mana rumah atau pusat komuniti atau Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan di mana-mana lokasi yang sesuai. PdPR boleh

dilaksanakan secara online atau offline secara tersusun dan terancang. PdPR dilaksanakan apabila pelajar tidak dapat hadir ke sekolah dalam tempoh masa tertentu akibat bencana atau wabak atau sebab lain. Ini akan memudahkan pelajar mengakses kursus tidak kira di mana mereka berada. Oleh itu, masalah keciciran dapat dikurangkan.

Inisiatif Kementerian Pelajaran Malaysia

Kementerian Pelajaran Malaysia juga mengambil pendekatan yang poraktif dalam menangani isu keciciran pembelajaran dalam kalangan murid dengan mengumumkan empat intervensi kurikulum 2024 bagi menangani keciciran pembelajaran iaitu:

1. Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 bagi mata pelajaran Sains dan Matematik Tahap I yang akan digunakan mulai Sesi Akademik 2024/2025.
2. Pengesahan Awal Literasi dan Numerasi.
3. Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang Mesra Ibu Bapa Laporan tahap penguasaan PBD dipermudahkan manakala pelaporan tahap penguasaan Ujian Akhir Sesi Akademik bagi semua mata pelajaran akan ditukar dalam bentuk peratus dan gred. Pelaporan PBD boleh diakses oleh ibu bapa secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu.
4. Penataran Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 akan disebarluaskan kepada semua guru mata pelajaran Sains dan Matematik sekolah rendah melalui pengajuran bengkel dan latihan.

5. Kesimpulan

Isu keciciran pembelajaran murid perlu ditangani dengan sebaik mungkin. Institusi pendidikan, penggubal dasar dan komuniti perlulah bekerjasama untuk membangunkan strategi yang bukan sahaja melihat dan menangani isu-isu untuk jangka pendek namun perlu menumpukan juga kepada isu-isu jangka panjang seperti contoh strategi pihak berwajib dalam menangani isu kemiskinan dan lain-lain. Setiap warganegara Malaysia berhak untuk mendapatkan pendidikan secara sempurna dan ibu bapa wajib menghantar anak-anak ke sekolah. Mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka mengikuti pelajaran rendah selama enam tahun dan sekiranya gagal ibu bapa boleh didenda tidak melebih RM5000.00 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedu-duanya sekali di bawah Akta Pendidikan 1996 melalui seksyen 29A(2). Dengam memahami sifat dan pelbagai jenis keciciran murid, dapatlah merangka jalan penyelesaian dan memperkasakan murid untuk kekal bersekolah, mendapat pendidikan yang sewajarnya dan mencapai matlamat *no one left behind*, pendidikan untuk semua, sekaligus memupuk masa depan yang lebih cerah untuk semua.

Strategi yang komprehensif dan berkesan seperti pengawasan kehadiran murid di sekolah yang baik, program sokongan pelajar, serta kerjasama antara sekolah, ibu bapa, dan masyarakat tempatan, merapatkan jurang pendidikan. Dengan menggalakkan jumlah murid yang hadir ke sekolah, sistem pendidikan dapat meningkatkan kebolehan pelajar untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Sistem pendidikan negara kita mengalami perubahan kepada pendekatan yang lebih bertepatan dengan keperluan setempat. Perubahan ini memberi kesan langsung terhadap perkembangan pendidikan yang selaras dengan era globalisasi yang melibatkan semua peringkat sekolah seperti sekolah rendah, menengah dan juga institusi tinggi. Apa yang pasti, jurang pendidikan yang diwujudkan oleh keciciran dalam pendidikan masih wujud dan akan mengelil apabila keperluan asas berterusan, dan Kementerian Pendidikan perlu

meneliti secara terperinci akan sistem pendidikan sekarang supaya usaha melonjakkan sektor pendidikan ke peringkat lebih tinggi dapat dilaksanakan. Kemajuan sesebuah negara amat bergantung kepada generasi muda yang seimbang dari segi intelek, fizikal, mental dan emosi dalam pelbagai segi, terutamanya segi teknologi dan ekonomi. Oleh itu, halangan untuk menjana modal insan yang berdaya maju perlu dikenal pasti bagi melaksanakan pendekatan yang betul dan masalah keciciran pembelajaran dapat diberikan perhatian dengan intervensi yang mencukupi.

6. Rujukan

- Abdul Wahab, N., & Mohd Said, S. (2022). *Tangani Segera Isu Keciciran*. Retrieved from Bernama: https://bernama.com/bm/b_fokus/news.php?id=2042498
- Ahmad , J., & Fariza , M. (2022). Pendekatan Minat Kepada Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam . *Journal of Social Sciences and Humanities*, <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1907.09>.
- Alia, N. N., & Norwaliza , A. (2021). Kertas Konsep Pembangunan Modul Sekolah Rimba Berasaskan Pengetahuan Peribumi Bagi Mengelakkan Kelestarian Masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan*, pp. 1(1), 10–21.
- Anuar Ahmad. (2024). *Isu Keciciran Murid*. Retrieved from Utusan Malaysia Online: <https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/kpm-perlu-kaji-cari-penyelesaian-isu-keciciran-murid-anuar-ahmad/>
- Anuar, A. (2024). *KPM Perlu Kaji, Cari Penyelesaian Isu Keciciran Murid*. Malaysia: Utusan Malaysia .
- Brooks, I. (2006). *Organisational Behaviour*. London: Pearson Education Limited.
- Francis , T. A., Cimene,, Angel , C. A., Albino,, Rouche , A., Mijares, . . . Villaflor. (2023). Understanding the Complex Factors behind Students Dropping Out of School. *European Journal of Science, Innovation and Technology*, 114-125.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Statistics Malaysia*. Retrieved from <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>
- Jerie, P, & Zamri , M. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 13-25.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Fidaus Press (Cetakan Pertama, Edisi ke 4).
- Khalid, M. A, Siti Nur Fatimahtul Maryam, A., Zouhair, & Endie Shazlie. (2018). *Children Without: A study of urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur*. Malaysia: United Nations Childrens' Fund.
- Kitha, A. (2021). Retrieved from *Keciciran_Dalam_Pendidikan_Malaysia*: https://www.academia.edu/23788053/Keciciran_Dalam_Pendidikan_Malaysia
- Mohammad Aziz , & Shah , M. (2014). Faktor, kesan dan strategi menangani permasalahan kurang tumpuan pelajar sekolah menengah di dalam kelas : Satu Kajian Kualitatif. *International Counseling Conference and Work*. Medan.
- Nik Nur Azizah, Nik Halman, Ramle , A., & Norizan , M. (2018). eciciran Pendidikan di peringkat sekolah rendah dalam kalangan murid Orang Asli Hulu Terengganu. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*.
- Noraini , O. (2008). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan, Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Sarawak* , <https://core.ac.uk/outputs/12007690>.
- Norfarahzatul Asikin, Z., Mohamad Zuber , A., & Muhammad Hussin. (2022). Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 7, Issue 2, e001288.

- Norfarahzatul, A., Mohamad Zuber , A., & Muhammad , H. (2022). Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 7, Issue 2, e001288.
- Norkhatijah Murni, O., Ismail, Poo Bee Tin, & Zaimah, D. (2012). Analisis Perubahan Komposisi Guna Tenaga dalam Industri Perkhidmatan di Malaysia. *Prosiding PERKEM VII*, (pp. 959 – 966.). Kuala Lumpur.
- Nuradibah , A., & Hazlina , A. (2016). Motivasi Pelajar Mobiliti Dalam Pembelajaran Bahasa Perancis. *Jurnal Kesidang*, 1, 86-101.
- Sabates, R, Hossain, A, & Lewin, K. (2013). School Drop Out in Bangladesh: Insights . *International Journal of Educational Development*, 33(3), 225-232.